



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	9/12/2019	MUKA SURAT	: 36
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Harap Pusat bantu petani rugi akibat banjir

PASIR PUTEH - Kerajaan Kelantan meminta kerajaan Pusat membantu petani di daerah Semerak di sini yang mengalami kerugian RM2.4 juta setelah tanaman mereka terutama ubi musnah akibat ditenggelami banjir awal bulan ini.

Timbalan Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Abdul Azziz Kadir berkata, kerajaan Pusat perlu membantu Kelantan bagi meringankan beban petani yang mengalami kerugian besar dan sukar untuk dipulihkan.

"Kerjasama kerajaan Pusat perlu bagi memulihkan pendapatan penanam yang terjejas teruk disebabkan fenomena yang tidak diduga," katanya kepada pemberita dalam satu perjumpaan khas antara petani dan agensi yang berkaitan di Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak di sini semalam.

Dalam kejadian itu, seramai 200 petani yang sebahagian besar mengusahakan tanaman ubi keledak vitato selain petola dan cili di kawasan seluas 160 hektar di Kampung Haji Wan Omar musnah akibat

Info Banjir

KELANTAN
Jumlah mangsa : 281 orang
Jumlah keluarga : 80 keluarga
Jumlah PPS : 3 lokasi

*Setakat jam 6 petang semalam

ditenggelami air selama empat hari berpunca daripada sistem perparitan gagal berfungsi untuk mengalirkan air ke Terusan Semerak.

Abdul Azziz berkata, beliau akan mengemukakan permohonan bantuan daripada kerajaan Pusat melalui jawatankuasa khas bersama yang ditubuhkan yang akan bermesyuarat dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Jajahan Pasir Puteh, Asrul Sani Ramli berkata, pihaknya sedang melancarkan gerakan banci untuk mengetahui kerugian sebenar yang dialami oleh petani terbabit yang merupakan bekas penanam tembakau. - *Bernama*

200 petani dakwa rugi RM2.4 juta

Tanaman ubi vitato dan sayuran musnah ditenggelami banjir

HAZEEN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Seramai 200 petani mendakwa kerugian RM2.4 juta selepas tanaman ubi vitato dan pelbagai jenis sayuran yang ditanam di atas tanah seluas 160 hektar di sekitar Tok Baik dekat sini ditenggelami banjir beberapa hari lalu.

Situasi itu menyebab-

kan punca pendapatan mereka terjejas kerana tanaman berkenaan hanya menunggu masa untuk ditanai.

Wakil petani, Samsudin Mat Nor, 52, mendakwa masalah tersebut berpunca daripada sistem perparitan yang sudah lama tidak diselenggara dengan baik.

"Sebelum ini, sistem perparitan diselenggara oleh LKTN (Lembaga Kanan dan Tembaku Negeri) kerana kami adalah bekas petani yang menanam tembakau satu masa dahulu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Samsudin berkata, mereka percaya soalnya sistem perparitan itu dise-



Petani kerugian besar apabila tanaman mereka rosak selepas ditenggelami air banjir.

lenggara dengan baik, banjir yang melanda kawasan tersebut akan berlaku dalam tempoh yang singkat. Katanya, tempoh banjir

yang agak panjang dan melebihi beberapa hari itu menyebabkan ubi yang ditanam rosak dan gagal diselamatkan.

"Polok nampak cantik secara luarannya namun sudah rosak dan tidak dapat dijual sekaligus menyebabkan kami meng-

alami kerugian," katanya. Samsudin berkata, ubi tersebut sepatutnya ditanam dalam tempoh dua minggu lagi.

Sementara itu, Mohd Amirudin Mohd Asri, 26, yang mengusahakan tanaman petola berkata, dia tidak dapat mengutip hasil selepas tanaman itu ditenggelami air sedalam 0.7 meter.

Katanya, ekoran banjir itu dia mengalami kerugian lebih RM10,000.

Sementara itu, juruaian Sinar Harian mendapati kebanyakan tanaman yang ditenggelami rosak selepas ditenggelami banjir.

Kebanyakan petani ter-

Laporan Sinar Harian 5 Disember 2019.